

SOALAN NO: 460

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB DATO' SRI DR. HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI  
IBRAHIM

SOALAN:

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [ Kuala Selangor ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sejauh manakah pihak Kementerian berusaha mewujudkan polisi dan prosedur pengurusan risiko psikososial dan kesihatan mental sebagai langkah proaktif bagi mengekalkan kecekapan dan produktiviti para pekerja seperti kebanyakan negara maju terutamanya negara Kanada dan England melalui penubuhan polisi kesihatan mental.

PR-1353-T01608

138.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah mengadakan polisi dan prosedur pengurusan risiko psikososial dan kesihatan mental sebagai langkah proaktif bagi mengekalkan kecekapan dan produktiviti para pekerja dengan mewujudkan Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pemberitahuan Mengenai Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan) 2004 yang telah mewajibkan majikan atau pengamal perubatan untuk melaporkan sebarang penyakit dan keracunan pekerjaan kepada pihak Jabatan termasuklah penyakit mental berkaitan pekerjaan.

2. Pihak JKKP juga menjalankan siasatan penyakit pekerjaan bagi mengenal pasti punca sesuatu penyakit mental dan juga mencadangkan kepada pihak majikan untuk menambahbaikkan tempat kerja berdasarkan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 serta peraturan sedia ada bagi melindungi pekerja-pekerja lain daripada mendapat penyakit pekerjaan di masa akan datang.

3. Di samping itu, kementerian telah mengambil Langkah-langkah proaktif bagi mencegah Masalah Gangguan Mental di Tempat Kerja. Di antaranya adalah:

- i) Pihak Jabatan telah menerbitkan Garis Panduan bagi Pencegahan Tekanan dan Keganasan di Tempat Kerja (*Guidance For The Prevention Of Stress And Violence At The Workplace*) pada tahun 2001;
- ii) Majikan perlu menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan di tempat kerja di mana salah satu tugas jawatankuasa ini adalah untuk membantu mengenal pasti dan menilai tahap kesihatan mental setiap pekerja dan menangani masalah ini dengan berkesan;
- iii) Pihak Jabatan juga telah menyediakan satu mekanisme secara atas talian bagi melaporkan sebarang penyakit pekerjaan termasuk gangguan mental di tempat kerja.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : DATO' SRI DR. HAJI IRMOHIZAM BIN DARIPADA HAJI IBRAHIM [KUALA SELANGOR]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam Bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan adakah Peraturan Disiplin Ordinan Pendidikan 1957 bagi Peraturan-Peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959 merupakan kaedah terbaik bagi menangani masalah disiplin di sekolah dan apakah inisiatif lain yang dirangka oleh pihak Kementerian bagi menangani gejala disiplin yang kian meruncing.**

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Buat masa ini, Peraturan Disiplin Ordinan Pendidikan 1957 bagi Peraturan-Peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) masih relevan dan diguna pakai di semua sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sehingga Peraturan Pendidikan 1996 digazetkan sebagai peraturan baru pendidikan.

KPM sentiasa memandang serius dan mengambil langkah proaktif dalam menangani masalah disiplin termasuk membendung gejala buli dan

gangsterisme yang melibatkan murid di sekolah. Antara langkah yang diambil adalah melalui usaha pencegahan, pemulihan, kerjasama dengan pihak luar, libat urus bersama PIBG, NGO dan agensi luar dan melalui program Amalan Guru Penyayang.

RT25/461

RT26/462

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : DATO' SRI DR. HAJI IRMOHIZAM BIN  
DARIPADA HAJI IBRAHIM [KUALA SELANGOR]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam Bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha yang dilakukan oleh pihak Kementerian bagi menangani kegagalan penguasaan Bahasa Malaysia di peringkat sekolah memandangkan sehingga kini lagi masih terdapat warganegara yang gagal menguasai bahasa kebangsaan ini dengan baik.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan serius dalam memartabatkan bahasa kebangsaan dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) secara berterusan berusaha untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu (BM) dalam kalangan murid. Perancangan dan strategi KPM untuk melahirkan murid yang menguasai bahasa Melayu dinyatakan dalam buku Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2016-2025 KPM yang telah dilancarkan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada 31 Oktober 2017. Pelan tersebut merupakan dokumen perancangan jangka panjang dan menyediakan

garis panduan yang jelas dan terperinci kepada semua pihak berkepentingan supaya mereka dapat menyumbang secara bersepadu untuk memartabatkan BM sebagai tonggak tamadun negara serta mengekalkan keharmonian dan kesejahteraan negara.

Antara inisiatif hala tuju pendidikan BM adalah:

- i. Pembangunan Kerangka Piawai Bahasa Melayu;
- ii. Program Interaktif Kemahiran BM;
- iii. Kerangka Holistik Pembangunan Profesionalisme Guru BM;
- iv. Pemerkasaan Ujian Lisan BM Sekolah Rendah dan Menengah;
- v. Format baharu Pentaksiran BM dan Kesusasteraan Melayu Komunikatif (KMK) SPM;
- vi. Penjenamaan Kesusasteraan Melayu kepada KMK di Sekolah Menengah;
- vii. Pemilihan bakal guru BM yang memberi keutamaan kepada calon yang memiliki KMK;
- viii. Menaik taraf Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan Bahasa Melayu Serantau;
- ix. Membudayakan penyelidikan, penterjemahan dan penerbitan bahasa Melayu; dan
- x. Pembudayaan BM sebagai Bahasa Ekonomi dan Perdagangan.

Pada masa ini KPM telah melaksanakan inisiatif 108; Pemartabatan Pendidikan Bahasa Melayu melalui 15 program dengan objektif utama untuk meningkatkan pemerolehan dan penguasaan BM murid.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : DATO' SRI DR. HAJI IRMOHIZAM BIN  
DARIPADA HAJI IBRAHIM [KUALA SELANGOR]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam Bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status pembinaan Sekolah Menengah Saujana Utama 2, Kuala Selangor yang telah diumumkan pada tahun 2013 ada apa punca kelewatan pembinaannya.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Projek SMK Bandar Saujana Utama 2 telah diluluskan peruntukan sebanyak RM 57.6 juta untuk kerja-kerja pembinaan pada tahun 2016 dalam *Rolling Plan 1* RMK-11. Status terkini projek ini ialah proses reka bentuk telah siap dan telah memperolehi kelulusan Kebenaran Merancang (KM) bersyarat pada 7 September 2017. Projek ini dijangka ditender pada bulan November 2017.